

Himpunan Rakyat Bersatu: 'Mereka tidak berjuang untuk Melayu' - Tun Mahathir Astro Awani
September 15, 2015
Oleh Harits Asyraf Hasnan

Beliau turut menegaskan perhimpunan Bersih 4.0 yang dianjurkan 30 dan 31 Ogos lalu dihadiri semua kaum dan tidak bersifat perkauman.

PUTRAJAYA: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad menyifatkan penganjur 'Himpunan Rakyat Bersatu' sebenarnya tidak membela nasib orang Melayu.

Malah, beliau turut menegaskan perhimpunan Bersih 4 yang dianjurkan 29 dan 30 Ogos lalu telah dihadiri oleh semua kaum, dan menepis dakwaan bahawa ianya bersifat perkauman.

"Dia (penganjur) adakan himpunan ini (Himpunan Rakyat Bersatu) kerana dia kata himpunan Bersih (4) dahulu rasis (perkauman).

"Tapi perhimpunan Bersih dulu bukan rasis, semua bangsa ada bersama.

"Nak jadikan Bersih ini rasis supaya kononnya mereka nak berjuang untuk orang Melayu...mereka tak berjuang untuk orang Melayu, tak perlulah ada," ujar Dr Mahathir ketika ditemui media di Yayasan Kepimpinan Perdana di sini hari ini.

Beliau yang enggan mengulas lanjut mengenai perhimpunan berkenaan yang bakal berlangsung esok, berharap tiada perkara buruk berlaku pada perhimpunan tersebut.

Pada Isnin, Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Mhd Amin Nordin Abdul Aziz meluluskan permohonan Presiden Persekutuan Silat Kebangsaan (Pesaka) untuk menggunakan Padang Merbok sebagai lokasi Himpunan Rakyat Bersatu.

Selain itu, Menteri Wilayah Persekutuan Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor turut menasihatkan agar mana-mana pihak yang ingin menyertai perhimpunan supaya mematuhi segala peraturan yang ada.

Jelasnya, ekoran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah memberi kebenaran untuk menggunakan lokasi Padang Merbok mengadakan perhimpunan itu, ia diharap agar jalan raya di sekitar ibu negara tidak diusik oleh mana-mana pihak.

Perhimpunan Rakyat Bersatu diketuai oleh Pesaka bersama 250 badan bukan kerajaan

(NGO) lain yang diadakan sebagai membantah penganjuran himpunan Bersih 4 baru-baru ini.

© 2015 Astro Awani Network Sdn. Bhd. (535275-D) All Rights Reserved.

Source: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/himpunan-rakyat-bersatu-mereka-tidak-berjuang-untuk-melayu-tun-mahathir-73379>